

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,

PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

23 OKTOBER HINGGA 30 NOVEMBER 2017

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI

SOALAN :

Datuk Mohd Idris Bin Jusi minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan langkah-langkah membantu golongan buruh “pengambil upah” memetik sawit dan membersih kebun, di kalangan penduduk-penduduk dalam kawasan di luar bandar khusus dalam kawasan Parlimen Batu Pahat.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi tidak mempunyai program bantuan khusus bagi golongan buruh atau “pengambil upah” untuk menuai sawit dan membersihkan kebun. Walau bagaimanapun, Kementerian melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menyediakan insentif bagi pembelian peralatan mekanisasi menerusi Skim Insentif Penggalakkan Penggunaan Jentera Di Ladang Sawit (OPIMIS). Melalui Skim OPIMIS ini, pembelian jentera boleh mendapat potongan harga sehingga 20% manakala pembelian peralatan menuai seperti Cantas boleh mendapat rebat.

Sekian, terima kasih.